

# Manulife Shariah Indonesia Equity Fund

Memanfaatkan potensi pertumbuhan  
dalam ekonomi terbesar Asia Tenggara<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Sumber: The World Bank, dikemas kini terakhir pada 5 April 2022.

⊕ [manulifeim.com.my](http://manulifeim.com.my)

📞 (03) 2719 9271

# Memperkenalkan dana ekuiti patuh Syariah baru kami yang bertujuan memanfaatkan potensi pertumbuhan besar Indonesia

## Asas ekonomi yang kukuh

Indonesia ialah sebuah kuasa ekonomi global yang sedang berkembang maju di Asia, menawarkan pelbagai peluang pelaburan kepada pelabur.

Faktor makroekonomi yang kukuh – seperti yang ditunjukkan oleh *kestabilan rupiah* dan *kenaikan taraf bon kerajaan* – serta dasar fiskal dan kewangan yang diuruskan dengan baik, menghasilkan keyakinan pelabur yang kukuh.

Maklumat di atas mungkin mengandungi unjuran atau kenyataan tinjauan masa depan lain berkaitan peristiwa masa depan, sasaran, disiplin pengurusan atau jangkaan lain. Tiada jaminan bahawa kejadian tersebut akan berlaku, dan keadaan masa depan mungkin berbeza secara ketara daripada yang ditunjukkan di sini.

## Demografi yang sesuai

Setakat pada pertengahan 2020, Indonesia mempunyai lebih daripada 270 juta<sup>2</sup> penduduk, sekali gus menjadikannya negara dengan populasi paling besar di Asia Tenggara<sup>3</sup> dan negara Islam dengan paling ramai penduduk<sup>3</sup>. Indonesia juga rata-rata mempunyai *penduduk yang muda*, dengan umur median 29.7 tahun<sup>4</sup>.

Bilangan penduduk yang ramai dengan demografi lebih muda pada hakikatnya membentuk pasaran pengguna tempatan yang amat besar, serta pasaran buruh yang tersedia dan produktiviti kukuh untuk memacu pertumbuhan negara.

Maklumat di atas mungkin mengandungi unjuran atau kenyataan tinjauan masa depan lain berkaitan peristiwa masa depan, sasaran, disiplin pengurusan atau jangkaan lain. Tiada jaminan bahawa kejadian tersebut akan berlaku, dan keadaan masa depan mungkin berbeza secara ketara daripada yang ditunjukkan di sini.

<sup>2</sup> United Nations, Jabatan Ekonomi dan Hal Ehwal Sosial, Bahagian Populasi (2019).

<sup>3</sup> WorldAtlas, April 2021.

<sup>4</sup> Worldometer - Countries in the world by population (2022).


**Manulife Shariah Indonesia Equity Fund (“Dana”)** baru membolehkan anda melabur secara langsung dalam saham-saham patuh Syariah di Indonesia.

Asas ekonomi yang kukuh, demografi yang sesuai, sumber asli yang luas dan dasar kerajaan yang menyokong usaha menambah baik persekitaran pelaburan adalah antara sebab untuk membuat pertimbangan bagi mempelbagaikan pelaburan anda dalam pasaran yang sedang pesat berkembang dengan penduduk berbilang budaya ini.

## Mempercepatkan pertumbuhan

Momentum pemulihan kukuh yang dijangkakan pada 2022


## Unjuran pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) Indonesia pada 2022 (%)



Sumber: Unjuran KDNK berdasarkan ramalan Bloomberg pada 24 Februari 2022.

F = ramalan.

## Indonesia: Struktur umur



Sumber: Badan Pusat Statistik, 2019.

## Sumber asli yang luas

Indonesia kaya dengan sumber asli seperti gas asli, minyak mentah, arang batu, nikel, bauksit dan tembaga<sup>5</sup>. Ia juga pengeluar minyak sawit utama dunia<sup>6</sup>.

Indonesia memanfaatkan kedudukannya sebagai pengeksport komoditi utama dengan lonjakan harga komoditi pada beberapa bulan kebelakangan ini. Hasilnya ialah pemulihian ekonomi pantas selepas pandemik dan faktor ini dijangka terus memacu pertumbuhan ekonomi pada masa depan.

Negara ini juga boleh mengambil kesempatan daripada peralihan global daripada bahan api fosil kepada *tenaga boleh diperbaharui*, dengan sumber mineral luas yang amat penting kepada rantai bekalan tenaga boleh diperbaharui.

Nikel	Bauksit	Tembaga
Pengeluar <b>#1</b> di dunia pada 2019 <sup>e, 7</sup>  Digunakan untuk bateri kendaraan elektrik	Pengeluar <b>#5</b> di dunia pada 2020 <sup>e, 8</sup>  Digunakan untuk pengeluaran aluminium	Pengeluar <b>#11</b> di dunia pada 2017 <sup>9</sup>  Digunakan dalam pelbagai tenaga boleh diperbaharui

<sup>5</sup> WorldAtlas, “What are the major natural resources of Indonesia?”, Oktober 2018.

<sup>6</sup> Reuters, “Indonesia bans palm oil exports as global food inflation spikes”, 24 April 2022.

<sup>7</sup> U.S. Geological Survey, Ringkasan Komoditi Mineral, Januari 2020.

<sup>8</sup> U.S. Geological Survey, Ringkasan Komoditi Mineral, Januari 2021.

<sup>9</sup> Deloitte Indonesia Perspectives, Edisi Kedua, Februari 2021.

<sup>e</sup> merujuk kepada anggaran.

Maklumat di atas mungkin mengandungi unjuran atau kenyataan tinjauan masa depan lain berkaitan peristiwa masa depan, sasaran, disiplin pengurusan atau jangkaan lain. Tiada jaminan bahawa kejadian tersebut akan berlaku, dan keadaan masa depan mungkin berbeza secara ketara daripada yang ditunjukkan di sini.

## Menambah baik persekitaran pelaburan

Kerajaan Indonesia telah merumuskan dasar untuk melaksanakan reformasi struktur bagi sektor pengilangan dan perdagangan negara, dan pada masa yang sama menambah baik persekitaran pelaburan keseluruhan. Kami percaya langkah ini akan menggalakkan aliran pelaburan asing yang berterusan dan kian meningkat pada tahun-tahun akan datang.

Contohnya termasuk dasar untuk membangunkan sumber asli hilir bagi merangsang eksport tambah nilai<sup>10</sup>, rancangan untuk membangunkan ekosistem industri kendaraan elektrik bersepadu<sup>10</sup> dan rancangan untuk membina taman perindustrian hijau terbesar dunia di Kalimantan Utara<sup>11</sup>.

<sup>10</sup> Laporan penyelidikan CLSA: *Indonesia electric vehicles*, 23 Mac 2021.

<sup>11</sup> Taklimat ASEAN oleh Dezan Shira & Associates: *Indonesia to Construct World's Largest Green Industrial Park*, 24 Disember 2021.

Maklumat di atas mungkin mengandungi unjuran atau kenyataan tinjauan masa depan lain berkaitan peristiwa masa depan, sasaran, disiplin pengurusan atau jangkaan lain. Tiada jaminan bahawa kejadian tersebut akan berlaku, dan keadaan masa depan mungkin berbeza secara ketara daripada yang ditunjukkan di sini.

## Maklumat penting dana

<b>Nama dana</b>	Manulife Shariah Indonesia Equity Fund (“Dana”)	
<b>Pengurus</b>	Manulife Investment Management (M) Berhad 200801033087 (834424-U)	
<b>Kategori dana</b>	Ekuiti (Patuh Syariah)	
<b>Objektif pelaburan</b>	Dana berusaha mencapai peningkatan modal dengan melabur dalam ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah syarikat-syarikat di pasaran Indonesia.	
<b>Profil pelabur</b>	<p>Dana ini sesuai bagi pelabur yang:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• berusaha mencapai peningkatan modal;</li> <li>• memilih pelaburan patuh Syariah;</li> <li>• mempunyai tempoh pelaburan jangka panjang; dan</li> <li>• mahu mendapatkan pendedahan pelaburan di pasaran Indonesia.</li> </ul>	
<b>Dasar dan strategi pelaburan</b>	<p>Dana berusaha mencapai peningkatan modal dengan melabur dalam ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah syarikat-syarikat di pasaran Indonesia.</p> <p>Dana akan melabur sekurang-kurangnya 70% hingga 98% nilai aset bersih (NAB) dalam portfolio terpelbagai ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah yang terdiri daripada syarikat-syarikat yang berdomisil/ tersenarai/ atau mempunyai operasi penting* di Indonesia, yang termasuk syarikat-syarikat yang berdomisil atau mempunyai operasi penting* di Indonesia tetapi tersenarai di pasaran asing lain. Baki NAB Dana adalah dalam tunai, instrumen pasaran wang Islam, akaun pelaburan am dan/atau deposit Islam. Dana boleh melabur dalam pelaburan-pelaburan ini secara langsung atau menerusi skim pelaburan bersama Islam.</p> <p>*Operasi penting bermakna hasil, pendapatan, kemudahan pengeluaran, aset dan/atau pelaburan syarikat adalah berpangkalan di/diperolehi dari Indonesia. Tahap kepentingan akan ditentukan oleh Pengurus mengikut keadaan berdasarkan penyelidikan dan pertimbangannya.</p>	
<b>Penanda aras prestasi</b>	Jakarta Islamic Index 70  Nota: Penanda aras prestasi di atas digunakan hanya sebagai rujukan untuk tujuan perbandingan prestasi pelaburan. Profil risiko Dana tidak sama seperti profil risiko penanda aras prestasi ini. Maklumat penanda aras prestasi ini boleh didapati di <a href="http://www.manulifeim.com.my">www.manulifeim.com.my</a> .	
<b>Harga tawaran awal</b>	Kelas A (RM): RM0.5000	
<b>Tempoh tawaran awal</b>	Dua puluh satu (21) hari dari 18 Ogos 2022 hingga 7 September 2022	
<b>Caj jualan</b>	Saluran pengedaran Penasihat institusi unit amanah (IUTA) Perunding unit amanah (UTC) Pengurus	Caj jualan  Sehingga 5.00% daripada NAB seunit
<b>Yuran pengurusan tahunan</b>	Sehingga 1.80% daripada NAB Dana setahun yang dikira dan terakru secara harian.	
<b>Yuran pemegang amanah tahunan</b>	0.06% setahun daripada NAB Dana (termasuk yuran penyimpan tempatan, tetapi tidak termasuk yuran dan caj penyimpan asing).	
<b>Pelaburan awal minimum</b>	Kelas A (RM)	RM1,000
<b>Pelaburan tambahan minimum</b>	Kelas A (RM)	RM100
<b>Dasar pengagihan</b>	<p>Pengagihan pendapatan, jika ada, adalah mengikut keadaan.</p> <p>Nota: Untuk butiran lanjut, sila rujuk kepada prospektus dana.</p>	
<b>Tahun kewangan berakhir</b>	28 Februari (atau 29 Februari pada tahun lompat).	
<b>Tempoh bertenang</b>	Tempoh bertenang hanya diguna pakai bagi mana-mana individu yang melabur buat kali pertama dalam mana-mana dana unit amanah yang diuruskan oleh pihak Pengurus dan tidak termasuk kakitangan Pengurus dan orang-orang yang berdaftar dengan badan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk berurusan dalam dana unit amanah. Anda berhak, dalam masa enam (6) Hari Perniagaan dari hari borang permohonan anda diterima oleh Pengurus, untuk meminta agar pelaburan anda ditarik balik.	

## **Penafian:**

Maklumat di atas tidak disemak oleh SC dan tertakluk kepada amaran, penafian, kelayakan atau terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini. Pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan Prospektus Manulife Shariah Indonesia Equity Fund bertarikh 18 Ogos 2022 dan Prospektus Tambahan Pertama bertarikh 30 Disember 2022 dan semua Lembaran Maklumat Penting Produk masing-masing (secara bersama dinamakan "Dokumen Tawaran"), yang boleh didapati di pejabat atau laman web kami, sebelum melabur. Dokumen Tawaran telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), bagaimanapun, pendaftaran dengan SC tidak bermaksud atau menunjukkan bahawa SC telah mengesyorkan atau mengesahkan produk tersebut. Terdapat risiko yang terbabit dengan pelaburan dalam dana unit amanah; dana borong dan/ atau Skim Persaraan Swasta. Antara risiko yang berkaitan dengan pelaburan dalam dana unit amanah; dana borong dan/atau Skim Pelaburan Swasta ialah risiko turun naik kadar faedah, risiko tukaran asing atau mata wang, risiko negara, risiko politik, risiko kredit, risiko ketidakpatuhan, risiko pihak yang berurusan, risiko pengurusan dana sasaran, risiko kecairan dan risiko kadar faedah. Untuk maklumat lanjut tentang profil risiko semua dana, sila rujuk kepada bahagian Faktor Risiko dalam Dokumen Tawaran. Harga unit dan pengagihan pendapatan mungkin turun atau naik. Pelabur hendaklah membandingkan dan mempertimbangkan yuran, caj dan kos yang terbabit. Pelabur dinasihatkan untuk menjalankan penilaian risiko sendiri dan berunding dengan penasihat profesional jika ragu-ragu tentang tindakan yang patut diambil.

Sekiranya terdapat sebarang pertikaian atau peranggahan yang timbul daripada terjemahan Bahasa Malaysia brosur ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.